

KERATAN AKHBAR

TARIKH : 15 JUN 2023
AKHBAR : SINAR HARIAN
MUKA SURAT : 27

Sasar adakan 5,000 mesin layan diri IPR

Sasar adakan 5,000 mesin layan diri IPR



Kerajaan harap pemohon IPR bersabar kerana penilaian teliti sedang dibuat dari segi kemampuan dan lokasi sesuai untuk menempatkan mesin-mesin tersebut.
- Gambar fail

PETALING JAYA - Kementerian Ekonomi menjangka proses perolehan bagi baki 4,900 mesin layan diri yang disasarkan pada tahun ini di bawah program inisiatif pendapatan rakyat (IPR) akan selesai dalam tempoh dua bulan dari sekarang.

Menterinya, Rafizi Ramli berkata, kementerian sekarang dalam proses pemilihan dan penilaian pemohon yang berkelayakan dan berkemampuan melalui proses perolehan terbuka yang sedang dilaksanakan.

"Tujuan kita adalah memastikan kemudahan-kemudahan ini ada di tempat-tempat awam termasuk hospital. Selalunya permintaan kepada makanan siap berharga rendah ini pa-

ling tinggi adalah di tempat orang ramai seperti di kampus pengajian dan hospital.

"Kita ada lebih kurang 10,000 orang yang sedang menunggu mesin. 100 mesin yang pertama telah melalui proses perolehan itu, dan akan diselesaikan dalam bulan ini," kata beliau selepas melawat tapak mesin layan diri IPR di Pusat Perubatan Universiti Malaya (PPUM) di sini pada Rabu..

Beliau berkata, kementerian sedang menjalankan proses pemilihan bagi perolehan 4,900 mesin layan diri yang seterusnya, bagi mencapai sasaran meluluskan perolehan 5,000 mesin layan diri di seluruh negara. -

Bername